

D746

U B949 DEB

MAHATHIR - UMNO R R R

ALOR GAJAH, 13 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI BERKATA TINDAKAN BEBERAPA ORANG ANGGOTA UMNO MEMPERTIKAIKAN DI MAHKAMAH KESAHIHAN PEMILIHAN PARTI ITU ADALAH HAK MEREKA TETAPI MENGINGATKAN BAHAWA TINDAKAN ITU AKAN MELEMAHKAN PARTI.

KATANYA TINDAKAN MEREKA ITU SEBENARNYA MERUGIKAN PARTI KERANA KUASA UNTUK MENENTUKAN SIAPA YANG HARUS MEMIMPINNYA TELAH BERPINDAH DARIPADA ANGGOTANYA KEPADA MAHKAMAH.

TINDAKAN ITU JUGA MEMINDAHKAN KEPADA MAHKAMAH KUASA MAJLIS TERTINGGI PARTI UNTUK MENENTUKAN NASIB PARTI TERSEBUT, KATANYA KETIKA BERUCAP MERASMIKAN BANGUNAN UMNO BAHAGIAN ALOR GAJAH BERTERANGA \$1.25 JUTA DI SINI.

PERDANA MENTERI YANG JUGA PRESIDEN UMNO MENGINGATKAN BAHAWA PARTI ITU SEDANG MENGHADAPI ANCAMAN PERPECAHAN SESAMA SENDIRI YANG AKHIRNYA BOLEH MENGAKIBATKAN PARTI KEHILANGAN KUASA.

BELIAU BERKATA INI SEMUA BERLAKU KERANA ANGGOTA UMNO SUDAH LUPA TENTANG MATLAMAT UTAMA PARTI ITU SERTA ASAS-ASAS YANG MEMBOLEHKANNYA MENCAPI KEJAYAAN DAN KEKUATAN SELAMA INI. -- LAGI.

1856MST 13 08 87

D747

U B950 DEB

MAHATHIR - UMNO 2 ALOR GAJAH R R R

INI MERUPAKAN KALI PERTAMA DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBUAT ULASAN MENGENAI TINDAKAN 12 ANGGOTA UMNO YANG MENGAMBIL TINDAKAN MAHKAMAH SUPAYA MENGISYTIHARKAN PEMILIHAN PARTI ITU APRIL LALU TIDAK SAH KERANA MENDAKWA TERDAPAT BEBERAPA CAWANGAN PARTI ITU TIDAK DIDAFTARKAN.

+SAYA KHUATIR ANGGOTA-ANGGOTA SUDAH LUPA MATLAMAT MEREKA DAN ASAS-ASAS KEKUATAN SERTA KEJAYAAN PARTI ITU SELAMA INI.+

KERANA ASYIK DENGAN KEJAYAAN PARTI SETAKAT INI, MEREKA LUPA BAHAWA SEBAGAI PARTI POLITIK MEREKA HARUS BERJUANG UNTUK KEPENTINGAN PARTI DAN BANGSA SERTA RAKYAT SELURUHNYA.

MALANGNYA ANGGOTA-ANGGOTA PARTI TIDAK LAGI BERPEGANG KEPADA PRINSIP DAN SEMANGAT PERPADUAN DAN MENGAMALKAN DISIPLIN DALAM PARTI, TAMBAHNYA.

+BARU-BARU INI ADA PEMILIHAN PARTI, SEPATUTNYA PERKARA INI SUDAH SELESAI DAN ANGGOTA PARTI MERAPATKAN SEMULA BARISAN DAN MENUMPUKAN PERHATIAN KEPADA PERJUANGAN PARTI.+

MALANGNYA ADA PIHAK-PIHAK YANG BERKATA BAHAWA TERDAPAT DUA PARTI UMNO SEKARANG IAITU "SATU YANG MENDAPAT UNDI 49 PERATUS DAN SATU LAGI 51 PERATUS, KATA BELIAU. -- LAGI.

1858MST 13 08 87

D750

U B951 DEB
MAHATHIR - UMNO 3 ALOR GAJAH R R R

USAHA MASIH DITERUSKAN UNTUK MENGEKALKAN PERPECAHAN YANG BERLAKU SEMASA PEMILIHAN PARTI KERANA MEMANDANG KEPADA PEMILIHAN YANG AKAN DATANG, KATANYA LAGI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, DALAM PROSES INI NASIB UMNO TIDAK DIPEDULIKAN LAGI DAN KELEMAHAN YANG AKAN TIMBUL DARIPADA PEPERCAHAN ITU TIDAK DIAMBIL KIRA.

+UMNO KUAT BUKAN KERANA IA MEMPUNYAI SENJATA ATAU TENTERANYA SENDIRI TETAPI PERPADUAN DAN DISIPLIN 1.4 JUTA ANGGOTANYA MEMBUATNYA DIHORMATI. TETAPI SEKARANG INI DILUPAKAN,+ KATA BELIAU.

BELIAU BERKATA MEREKA YANG MENGAMBIL TINDAKAN MAHKAMAH TIDAK SAYANGKAN PARTI KERANA SEKIRANYA SEBALIKNYA, MEREKA TENTU AKAN MENGGUNAKAN SEGALA PERUNTUKAN DALAM PERLEMBAGAAN PARTI UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH.

+SAYA TIDAK MENAFIKAN HAK MEREKA TETAPI MERASA DUKACITA MEREKA TIDAK MENUNJUKKAN SAMA SEKALI SEMANGAT UMNO DAN APA AKAN BERLAKU KEPADA PARTI.+ -- LAGI.

1904MST 13 08 87

D752

U B953 DEB
MAHATHIR - UMNO 4 ALOR GAJAH R R R

BELIAU MENGINGATKAN ANGGOTA-ANGGOTA PARTI SEKIRANYA PERPADUAN SERTA SEMANGAT PARTI TIDAK DIBERI PERHATIAN, SUATU MASA NANTI PARTI AKAN MENJADI LEMAH DAN MUNGKIN HILANG KUASANYA.

BELIAU BERKATA TINDAKAN 12 ORANG ANGGOTA PARTI ITU MERUPAKAN SUATU BUKTI BAHAWA SEMANGAT PERPADUAN DAN DISIPLIN PARTI SEMAKIN PUDAR.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENGADAKAN PERJUMPAAN TERTUTUP DENGAN ANGGOTA-ANGGOTA BARISAN NASIONAL NEGERI MELAKA DAN PERHUBUNGAN UMNO MELAKA DI BANGUNAN UMNO ALOR GAJAH.

YANG TURUT HADIR IALAH KETUA MENTERI DATUK SERI ABDUL RAHIM TAMBY CHIK.

-- BERNAMA.

1907MST 13 08 87